

No. Rujukan : UTeM.03.04.01/100-3/3/2 Jld. 11 (14)



**SURAT PEKELILING KEWANGAN
BILANGAN 14 TAHUN 2021**

**PELAKSANAAN PENJUALAN SEBUT HARGA DAN
TENDER UNIVERSITI SECARA DALAM TALIAN
MULAI 1 OKTOBER 2021 DI UNIVERSITI TEKNIKAL
MALAYSIA MELAKA (UTeM)**

Pejabat Bendahari
28 September 2021

Disalinkan kepada:

Naib Canselor
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat)
Penolong Naib Canselor (Pembangunan & Pengurusan Fasiliti)
Pegawai-Pegawai Kanan

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UTeM.03.04.01/100-3/3/2 Jld. 11 (14)

28 September 2021

SURAT PEKELILING KEWANGAN BIL. 14 /2020

PELAKSANAAN PENJUALAN SEBUT HARGA DAN TENDER UNIVERSITI SECARA DALAM TALIAN MULAI 1 OKTOBER 2021 DI UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTeM)

1.0 TUJUAN

Surat Pekeliling Kewangan ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan tentang Pelaksanaan Penjualan Sebut Harga dan Tender Universiti Secara Dalam Talian Mulai 1 Oktober 2021 Di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Bab B – Kaedah Perolehan Bekalan dan Perkhidmatan, Bahagian Pengurusan Perolehan Universiti (PU), Peraturan Kewangan dan Perakaunan Universiti (PKPU) menyatakan kaedah pembelian Sebut Harga Universiti dan Tender adalah seperti berikut:

2.1.1 Pembelian dokumen Sebut Harga Universiti dan Tender adalah secara fizikal di Kaunter Unit Perolehan Pejabat Bendahari, UTeM.

2.1.2 Pembekal yang membeli/menghantar dokumen Sebut Harga Universiti dan Tender perlu mengisi Borang Pembelian/Penghantaran Sebut Harga Universiti dan Tender.

2.1.3 Penjualan Sebut Harga Universiti dan Tender secara cakera padat (CD) sahaja tanpa menjual dokumen Sebut Harga dan Tender secara *hard copy* adalah dibenarkan.

- 2.2 Kesan penularan Wabak Covid-19 di awal tahun 2020, operasi penjualan Sebut Harga Universiti dan Tender secara fizikal adalah terhad bagi memastikan pematuhan terhadap Prosedur Operasi Standard (SOP) yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).
- 2.3 Bermula pada Julai 2021, Sebut Harga Universiti dan Tender adalah secara temujanji disebabkan Negeri Melaka berada di bawah Pelan Pemulihan Negara Fasa 1 (PPN Fasa 1) yang mana urusan kaunter adalah dihadkan kepada 50% sahaja untuk beroperasi.
- 2.4 Melalui Mesyuarat Majlis Eksekutif Bilangan 8 Tahun 2021, telah mencadangkan untuk satu kaedah dan tatacara yang baharu dilaksanakan dalam memastikan proses penjualan dan penghantaran dokumen sebut harga dapat diteruskan dengan segera serta terkawal walaupun dalam tempoh pandemik covid-19 ini.
- 2.5 Hasil perbincangan bersama Pejabat Bendahari dan Pusat Pengetahuan dan Perhubungan Komunikasi (PPPK) UTeM, satu kaedah yang selamat telah dikenalpasti bagi tujuan penjualan Sebut Harga Universiti dan Tender secara dalam talian.

3.0 PELAKSANAAN PENJUALAN SEBUT HARGA UNIVERSITI DAN TENDER SECARA DALAM TALIAN

- 3.1 Pengiklanan Sebut Harga/Tender.
 - 3.1.1 Sebut Harga/Tender diiklankan pada laman sesawang (*website*) sedia ada iaitu <https://perolehan.utem.edu.my/>.
 - 3.1.2 Penyebut Harga/Petender perlu menyemak syarat kelayakan untuk menyertai sebut harga/tender berdasarkan kepada Kenyataan Sebut Harga/Tender yang dikeluarkan oleh Universiti.
 - 3.1.3 Universiti berhak untuk menolak tawaran bagi penyebut harga/petender yang tidak memenuhi syarat kelayakan.

3.1.4 Tiada pemulangan bayaran sekiranya terdapat kesilapan penyebut harga/petender semasa memilih sebut harga/tender.

3.2 Pembelian Sebut Harga/Tender.

3.2.1 Syarikat perlu berdaftar dengan sistem e-Vendors UTeM dan berstatus aktif sebelum membuat pembayaran.

3.2.2 Sekiranya pembekal masih belum berdaftar dengan sistem e-Vendors UTeM, syarikat boleh mendaftar dengan UTeM secara online melalui <https://portal.utem.edu.my/iclm/> dan mengemukakan secara e-mel salinan dokumen pendaftaran (rujuk senarai semak) ke evendor@utem.edu.my.

3.2.3 Bagi tujuan pengemaskinian sijil pendaftaran yang telah tamat, syarikat perlu mengemukakan salinan sijil terkini yang telah diperbaharui melalui e-mel ke evendor@utem.edu.my untuk tujuan pengemaskinian.

3.2.4 Waktu urusan pembelian sebut harga/tender adalah seperti berikut:

Hari Operasi	Waktu Operasi	Penghantaran Pautan Dokumen Sebut Harga/Tender
Isnin hingga Jumaat (Kecuali Cuti Umum)	8:00 pagi hingga 4:00 petang	Akan die-mel pada hari yang sama.
	Selepas 5:00 petang	Akan die-mel pada hari operasi berikutnya.
Sabtu, Ahad dan Cuti Umum	Akan die-mel pada hari operasi berikutnya.	

3.3 Kaedah Pembayaran

3.3.1 Harga Jualan pada dokumen Sebut Harga dan Tender adalah kekal sepertimana yang telah ditetapkan Bab B - Kaedah Perolehan Bekalan

Dan Perkhidmatan Universiti, Para 3.5, Pengurusan Perolehan Universiti (PU), Peraturan Kewangan dan Perakaunan Universiti (PKPU).

3.3.2 Kaedah pembayaran adalah melalui *UTeM e-Payment Gateway* dipautan <https://payment.utem.edu.my/en/> secara *Credit/Debit Card (Mastercard/Visa)*.

3.4 Penerimaan Dokumen Sebut Harga/Tender oleh Syarikat.

3.4.1 Pembekal akan menerima dokumen sebut harga/tender melalui e-mel yang telah didaftarkan semasa pembelian melalui MIGS.

3.4.2 Tatacara dan panduan untuk memuat turun dokumen sebut harga/tender adalah seperti di **Lampiran 1**.

3.4.3 Pembekal perlu memuat turun dokumen sebut harga/tender dan mencetak dokumen yang telah dimuat turun.

3.5 Penghantaran tawaran Sebut Harga/Tender.

3.5.1 Kaedah penghantaran adalah melalui kurier (pos) ke alamat yang telah ditetapkan dalam Kenyataan Tawaran Sebut Harga/Tender. Penerimaan dokumen adalah di Unit Mel, Pejabat Pendaftar, UTeM.

4.0 PINDAAN

4.1 Pindaan pada para berikut:

4.1.1 Para 3.5.3 Bab B, Pengurusan Perolehan Universiti (PU), Peraturan Kewangan dan Perakaunan Universiti (PKPU).

4.1.2 Para 3.5.5 Bab B, Pengurusan Perolehan Universiti (PU), Peraturan Kewangan dan Perakaunan Universiti (PKPU).

5.0 PEMAKAIAN

Surat Pekeliling Kewangan ini adalah berkuat kuasa mulai 1 Oktober 2021.

Segala kerjasama yang diberikan oleh YBhg. Datuk/Dato'/Profesor/Profesor Madya/Dr./
Tuan/Puan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, harap maklum.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN”

Saya yang menjalankan amanah,



KHAIRUL BIN TAIB

Bendahari

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

kaat/Surat Pekeliling Kewangan/2021